

## Buah Buton: Simbol Pengaruh Kedudukan Adat dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan

*Buah Buton: A Symbol of the Influence of Customary Position in the Adat Perpatih in Negeri Sembilan*

FAKHRUR RAZI MAAMOR, SABZALI MUSA KAHN,  
INDIRAWATI ZAHID & BASITAH TAIF

### ABSTRAK

Ukiran kayu merupakan seni visual tradisi yang berfungsi sebagai hiasan seni bina oleh sesetengah masyarakat dunia. Walau bagaimanapun, terdapat permasalahan yang membabitkan ukiran kayu tiga dimensi buah buton pada rumah-rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung yang dipercayai melambangkan status seseorang dalam Adat Perpatih. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hubungan kait buah buton dengan kedudukan dalam organisasi sosial masyarakat Adat Perpatih di luak tersebut. Bagi menggapai tujuan artikel ini, metodologi artikel ini menggunakan penyelidikan kualitatif yang mengetengahkan dua pendekatan iaitu kajian lapangan; yang mensasarkan empat rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan dan temu bual; melibatkan enam informan yang berbeza latar. Melalui dapatan ini menunjukkan bahawa buah buton hanya boleh ditemui pada rumah-rumah yang didiami oleh mereka yang berstatus. Malah, setiap rumah tersebut juga menunjukkan bilangan dan kedudukan buah buton yang berbeza. Pengaplikasian buah buton pada setiap rumah pula tergantung pada ruangan spesifik dan mempunyai kaitan rapat dengan Adat Perpatih. Ini diperkuatkan dengan kedudukan elemen tersebut yang tergantung pada bahagian dalam atau luar rumah mempunyai kaitan dengan pemiliknya yang berpengaruh dalam adat tersebut. Kesimpulannya, buah buton bukan sekadar penghiasan rumah; sebaliknya mempunyai simbol terhadap pemiliknya dalam Adat Perpatih. Implikasi kajian turut menunjukkan bahawa kepentingan dalam simbolisme memberi pengaruh terhadap pembentukan struktur sosial dan masyarakat adat tersebut. Oleh itu, artikel ini mencadangkan penyelidikan lanjutan diperluaskan skop terhadap persamaan dan perbezaan buah buton terhadap simbol masyarakat adat ini. Perkara ini bukan sekadar memperkayakan pemahaman terhadap adat dan budaya, malah membantu proses pemeliharaan dan pemuliharaan di arus kemodenan kini.

Kata kunci: Adat Perpatih; buah buton; organisasi sosial; rumah tradisional; simbolisme

### ABSTRACT

Wood carving is a traditional visual art that serves as architectural decoration in various cultures worldwide. However, issues involve the three-dimensional wood carvings of buah buton on traditional houses in Luak Tanah Mengandung, believed to symbolize one's status in Adat Perpatih. This article aims to analyze the relationship between buah buton and social status within the Adat Perpatih society in this region. To achieve this, the article employs qualitative research methodology, highlighting two approaches: field studies targeting four traditional houses in Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, and interviews involving six informants from diverse backgrounds. The findings indicate that buah buton can only be found on houses inhabited by individuals of high status. Furthermore, the number and positioning of buah buton vary among these houses. The application of buah buton in each house depends on specific spaces and is closely linked to Adat Perpatih. This is reinforced by the positioning of these elements, whether inside or outside the house, being associated with influential owners in the tradition. In conclusion, buah buton is not merely a house ornament; it symbolizes the owner's status within Adat Perpatih. The study's implications also highlight the significance of symbolism in influencing the social structure and community of this tradition. Therefore, the article suggests further research to expand the scope of comparing and contrasting buah buton within this customary society. This endeavor not only enriches the understanding of customs and culture but also aids in the preservation and conservation processes in the face of modernity.

Keywords: Adat Perpatih; buah buton; social organisation; traditional house; symbolism

## PENGENALAN

Perlambangan merupakan sesuatu yang sangat signifikan dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Perkara tersebut dihasilkan untuk menyampaikan mesej, nilai-nilai murni atau peringatan tentang peraturan, pelaksanaan undang-undang dan tingkah laku yang positif dalam adat. Perkara ini berkait rapat dengan konteks kepimpinan dalam sistem Adat Perpatih (Maamor, 2023, Shukri, 2020, Salleh, 2017 & Saludin, 2009). Penggunaan perlambangan ini merupakan sesuatu yang dikaitkan dengan kepimpinan adat bagi menampakkan status dan kedudukan si pemimpin. Maka, tidak hairanlah banyak buah buton diaplikasikan pada rumah tradisional kepunyaan ketua adat atau kerabat diraja di Negeri Sembilan khususnya di sekitar Luak Tanah Mengandung<sup>1</sup> (Herwandi et al., 2024; Maamor, 2023; Maamor et al., 2023; & Maamor et al., 2020). Ini kerana buah buton mewakili status seseorang yang memegang jawatan dan gelaran dalam Adat Perpatih; dalam masa sama membawa pesan buat pemiliknya. Oleh itu, buah buton ini bukanlah suatu kemegahan dalam menampakkan diri seseorang pemimpin itu. Sebaliknya, sebagai peringatan pada diri akan amanah yang perlu dipikul. Oleh itu, buah buton diaplikasikan pada ruang-ruang tertentu dalam rumah tradisional Negeri Sembilan yang mempunyai permaknaan dan tujuan di sebaliknya.

Serambi dan rumah ibu merupakan ruang simbolik bagi pihak tertentu yang mana ianya melibatkan pemimpin adat dan anak-anak buah bertemu bagi membincangkan isu-isu tertentu (Maamor, 2023, Ismail et al., 2023 & Ismail et al., 2021). Malah, ruangan tersebut menjadi tempat pelaksanaan sebuah sistem undang-undang yang termaktub dalam Adat Perpatih. Satu konsep kemasyarakatan yang menjadi kewajipan dalam pelaksanaan tersebut iaitu muafakat. Pelaksanaan tersebut juga berlaku di bahagian yang tergantungnya buah buton. Ruang-ruang tersebut dihiasi dengan buah buton yang diaplikasikan dalam kedudukan tergantung (Maamor, 2020). Malah, subjek tersebut juga mempunyai variasi bentuk rekaan yang bersifat geometri, organik atau terdapat gabungan kedua-dua elemen tersebut (Maamor, 2023; Dalila & Utaberta, 2013; & Utaberta et al., 2012). Di sebalik dua elemen rekaan tersebut, buah buton divisualkan bentuknya seakan-akan buah memandangkan sifatnya yang berbentuk tiga dimensi (Rajah 1). Maamor (2023); dan Nor dan Shahminan (2016) menyatakan bahawa buah buton merupakan ukiran kayu tiga dimensi yang diukir pada bahagian bawah sebatang tiang yang tergantung yang dikenali sebagai tiang gantung. Pengaplikasian subjek tersebut melibatkan bahagian dalam atau luar rumah tradisional ini. Seperti dinyatakan sebelum ini; rumah yang mempunyai buah buton lazimnya pemilik atau penghuni rumah merupakan orang berpengaruh dalam adat. Oleh itu, gabungan kedua-dua ciri iaitu buah buton dengan status penghuninya menunjukkan unsur komunikasi serta pergaulan antara keluarga dan masyarakat. Perhubungan ini amat dititik beratkan dalam Adat Perpatih iaitu penekanan terhadap aspek kekeluargaan atau suku menjadi noktah kepada kekuatan sistem adat tersebut (Saludin & Maulud, 2021; & Saludin et al., 2021). Manakala, konsep alam semula jadi digabungkan dan menjadi sumber kekuatan kekeluargaan dan kemasyarakatan itu sendiri. Di samping itu, reka bentuk bunga menunjukkan falsafah alam berkembang sebagai guru yang menjadi talian rujukan buat masyarakatnya. Selain itu, *adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah* merupakan asas kepada penciptaan buah buton (Maamor, 2023 & Maamor et al., 2023).

---

<sup>1</sup> Luak Tanah Mengandung terdiri daripada lima luak iaitu luak Ullu Muar, luak Jempol, luak Terachi, luak Inas dan luak Gunung Pasir. Setiap luak tersebut dipimpin oleh Penghulu. Ini berbeza dengan luak Rembau, luak Sungai Ujong, luak Johol dan luak Jelebu yang mana dipimpin Undang. Oleh itu, empat luak ini dikenali sebagai Luak Berundang



RAJAH 1. Buah buton tergantung pada seni bina tradisional di Luak Tanah Mengandung

Berbicarakan tentang artistik, sejarah telah merungkai kepandaian orang-orang Minangkabau yang mempunyai bakat dalam membina rumah atau ukiran dengan menjadikan kemahiran dan ilmu turun temurun berteraskan falsafah alam (Azwar et al., 2018). Ini kerana ciri-ciri hiasan kediaman menunjukkan kedudukan sosial dan kekayaan pemilik yang digambarkan dalam buah buton selaras dengan peraturan adat yang berakar umbi daripada alam terkembang jadi guru. Perkara ini merujuk kepada Rajah 1 yang secara nyata menunjukkan keberadaan buah buton yang terdapat pada sesetengah rumah tradisional sekitar Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan diukir dalam bentuk flora atau berpandukan pada alam (Maamor et al., 2023; & Nor & Shahminan, 2016). Tambahan pula, ukiran dan kedudukan buah buton berinspirasi daripada nilai-nilai tradisi masyarakat dalam Adat Perpatih. Perkara ini merupakan amalan adat Minangkabau tempatan yang merupakan sintesis undang-undang dan sistem kepercayaan terdahulu yang membentuk tahap hierarki yang berbeza (Maamor, 2023, Maamor et al., 2023, Mujani et al., 2015, Selat, 2014 & Manaf et al., 2013). Kedua-dua aspek ini menjadikan leluhur dalam tradisi dan agama hidup secara aman dalam persekitaran sosial yang konsisten.

Keadaan sekeliling telah memberi kesan kepada cara hidup masyarakat Adat Perpatih yang bermanifestasi daripada gaya hidup, tradisi dan amalan keagamaan dalam menyampaikan mesej dan kepentingan tertentu khususnya kepada penciptaan buah buton. Selain itu, konsep kesatuan dalam suku atau luak mempengaruhi sistem permuafakatan budaya. Perkara ini dikenali sebagai konsensus yang memerlukan penyertaan pelbagai pihak; termasuk pemimpin adat, penghuni rumah, anak-anak buah dan masyarakat berhubung perbincangan tentang isu yang diutarakan (Sulej, 2023, Shahbal et al., 2023 & Abdullah et al., 1962).

Kepimpinan yang adil adalah bersandarkan pada watak pemimpin dalam sesebuah organisasi. Ini merupakan sikap dan teladan seorang pemimpin dalam sebuah sistem atau kumpulan yang menyumbang kepada kekuatan organisasi atau negara (Dahlström & Lapuente, 2022; Sahid, 2021, Olanrewaju, 2019 & Nelson, 2002). Aspek ini turut menjadikan seseorang pemimpin itu mempunyai kuasa dan pengaruh yang jelas (Sheen et al., 2022; Draper, 2021; Aslamazishvili et al., 2020; Hershey, 2017; & Ibrahim, 1985). Malah, kekuasaan itu turut diaplikasikan pada seni tampak. Terdapat juga masyarakat dunia menjastifikasikan ukiran atau artistik seni tradisi membawa maksud kepada perlambangan kedudukan seorang pemimpin (Guo & Kou, 2022). Tidak terkecuali ukiran tiga-dimensi yang membawa falsafah dan makna terhadap konteks kepimpinan ini iaitu buah buton. Subjek ini menampilkan identiti pemimpin yang

divisualkan dalam bentuk ukiran bersandarkan pada kedudukan dan status yang disandang mereka dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Malaysia.

Penghasilan buah buton dalam pelbagai bentuk dan rekaan menunjukkan lambang status kepimpinan yang dinyatakan dalam atau luar rumah. Kedudukan pemimpin adat pula menekankan konsep hierarki, yang mana mereka yang hidup di bawah kepimpinan sesebuah organisasi perlu menghormati dan menjunjung tinggi kedudukan mereka yang dipilih secara muafakat (Saludin et al., 2021; Saludin et al., 2020; & Karia & Asaari, 2019). Kedudukan mereka menjadi penanda aras dalam kelompok sosial masyarakat yang dipimpin. Oleh itu, untuk mengkaji hubungan antara ukiran kayu buah buton dengan kepimpinan sosial, artikel ini akan melihat secara langsung organisasi sosial masyarakat Adat Perpatih serta kekelompokan dalam adat ini. Sementara itu, kajian ini juga turut menerokai lagi pengaruh Adat Perpatih terhadap rumah tradisional Negeri Sembilan bagi membantu dalam melihat perkaitan dengan reka bentuk dan kedudukan buah buton.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur ini bertujuan untuk meneroka pelbagai aspek penting dalam Adat Perpatih, khususnya yang berkaitan dengan organisasi sosial; kumpulan dalam masyarakat; dan pengaruhnya terhadap reka bentuk rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Penelitian ini akan membahas bagaimana struktur sosial dan nilai-nilai budaya Adat Perpatih membentuk dan mempengaruhi kehidupan masyarakat serta seni bina tradisional mereka.

### ORGANISASI SOSIAL DALAM ADAT PERPATIH

Pengiktirafan sesebuah komuniti iaitu sebuah kelompok sosial mempunyai tiga ciri (Berelson & Steiner, 1964). Pertama ialah peraturan dan prosedur iaitu merujuk kepada sesebuah keputusan yang telah ditetapkan berdasarkan kehidupan seharian masyarakat. Kedua ialah organisasi berhierarki dengan status dan ciri yang berbeza. Ciri ketiga ialah masyarakat yang mencipta sistem birokrasi. Setiap ciri tersebut membawa sebuah pendekatan berkenaan kepimpinan dalam transformasi, komitmen organisasi dan tingkah laku dalam organisasi itu sendiri seperti dinyatakan oleh Wan Sulaiman et al. (2021). Perkara tersebut mempunyai keterkaitan dengan sistem berorganisasi dalam Adat Perpatih yang mempunyai penstrukturan tersusun di samping pelaksanaan undang-undang yang berasaskan sistem birokrasi. Konsep ini juga menolak tepi anak-anak buah dalam menyatakan pendirian sebaliknya disuarakan agar didengari semua pihak yang akhirnya akan ditentukan oleh ketua adat itu sendiri. Penulisan Wan Sulaiman et al. (2021); dan Berelson dan Steiner (1964) membawa sebuah pendirian yang hampir sama dan ini mempunyai hubungan kait dengan organisasi sosial dalam Adat Perpatih itu sendiri.

Selain itu, peraturan dan prosedur dalam Adat Perpatih memberi kesan kepada semua pihak. Ini kerana setiap peraturan mempunyai justifikasi mengapa ia diharuskan atau diharamkan. Dalam bahagian ini, norma dan proses yang diikuti dalam Adat Perpatih akan diterangkan bagi menjelaskan kaitan antara adat dan budaya—contohnya, fungsi dan pentadbiran jawatan ketua adat. Berdasarkan kajian oleh Maamor et al. (2023), Sahid et al. (2021) dan Saludin (2021) menyatakan bahawa Adat Perpatih amat menekankan konsep permuafakatan sebelum menyatakan keputusan yang akan diputuskan oleh pemimpin adat. Konsep ini disebut musyawarah merupakan sebuah proses amalan perundingan kolektif yang mempunyai peranan penting dalam memastikan bahawa setiap keputusan yang ditentukan adil dan saksama untuk semua pihak (Mustafa et al., 2020). Setiap kajian tersebut juga menunjukkan proses pemilihan pemimpin itu melibatkan

kemampuan mereka dalam berkomunikasi dengan fasih dan memberi kesan; di samping bijak dalam menyelesaikan masalah adalah untuk melayakkan mereka memimpin. Inilah norma dan proses dalam Adat Perpatih yang menjadi amalan buat pengamalannya hingga hari ini. Amalan ini mewujudkan

Berbicarakan soal keadilan, kriteria dalam pemilihan pemimpin adat adalah sesuatu yang berkepentingan untuk semua pihak. Antara kriteria dalam pemilihan pemimpin adalah mereka yang perlu arif dan fasih dalam setiap isu yang diutarakan berpandukan adat. Sementara itu, mereka perlu bersedia dan berupaya dalam mempertahankan konsep keadilan dalam Adat Perpatih demi kelangsungan hidup dan kesejahteraan setiap pihak. Seperti diuraikan oleh Juhary (2011) dan Ibrahim (1988), keadilan dalam Adat Perpatih suatu keutamaan semua pihak. Oleh itu, keadilan bukan sekadar pelaksanaan dalam hukuman semata-mata, malah melibatkan tanggungjawab moral dan sosial dalam konteks kebudayaan adat ini. Merujuk kepada peribahasa “biar mati anak, jangan mati adat” seperti diketengahkan oleh Ismail et al. (2023) dan Maamor (2023) menekankan bahawa keadilan adalah sesuatu asas yang perlu diutamakan dalam adat. Perkara ini menyumbang kepada sebuah perpaduan yang kuat dan utuh dalam organisasi sosial Adat Perpatih.

Idris et al. (1994) menyatakan dengan tertib bahawa konsep keadilan dalam Adat Perpatih tidak hanya terhad kepada aspek hukum atau pelaksanaan undang-undang semata-mata. Sebaliknya, turut melibatkan penyatuan dalam masyarakat Adat Perpatih agar kesejahteraan ini berterusan hingga generasi baru. Perkara ini menunjukkan bahawa penekanan keadilan dalam Adat Perpatih turut membawa erti memberikan perlindungan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan wanita. Ini kerana adat itu sendiri bernasabkan ibu atau matrilineal. Menjadi kewajipan kepada pemimpin untuk berlaku adil dengan setiap perkara. Teromba di bawah menunjukkan bahawa pemimpin perlu menasihati masyarakat supaya mematuhi peraturan adatnya.

*Tidak mengamalkan,  
Puar condong ke perut,  
Kena ke perut dikempiskan,  
Tersauk ke ikan suka,  
Tersauk ke bangkar masam muka.*


Kepentingan setiap baris teromba diatas berkaitan dengan pelaksanaan perundangan yang tidak berat sebelah. Oleh itu, pemimpin mesti mengambil pendekatan untuk menghukum mereka yang bersalah. Peraturan yang ditetapkan menjadi peringatan berterusan kepada individu yang memegang status yang juga dikenali sebagai pesaka, supaya tidak melupakan tanggungjawab mereka. Maka, seseorang pemimpin mesti melaksanakan tugas mereka dengan penuh keadilan dan berintegriti.

Justeru itu, tiga ciri utama dalam sesebuah komuniti yang diiktiraf; peraturan dan prosedur; organisasi berhierarki; dan penciptaan sistem birokrasi, kesemuanya memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi. Ciri-ciri tersebut juga berserta sistem berorganisasi dalam Adat Perpatih mempunyai struktur tersusun serta perlaksanaan undang-undang berdasarkan sistem birokrasi. Hal ini kerana adat ini amat menekankan konsep musyawarah dalam membuat keputusan bagi menjamin keadilan dan kelangsungan kesejahteraan dalam masyarakat. Malahan, proses pemilihan pemimpin adat juga dititikberatkan dengan berpandukan pada komunikasi, penyelesaian masalah serta keadilan moral dan sosial dalam konteks kebudayaan adat. Keadilan

dalam Adat Perpatih tidak hanya terhad kepada aspek hukum semata-mata, tetapi juga melibatkan tanggungjawab pemimpin dalam melindungi dan bersifat adil kepada setiap lapisan masyarakat. Terutamanya golongan wanita yang amat dititikberatkan dalam adat ini. Perkara inilah yang perlu nmenjadi perhatian oleh pemimpin dalam menjalankan tugas dengan berintegriti dan adil.

#### KUMPULAN DALAM ADAT PERPATIH

Peraturan dan tatacara dalam organisasi sosial Adat Perpatih mempunyai keunikkan berbanding kehidupan sosial masyarakat lain. Adat Perpatih mempunyai kelompok yang mana setiap individu tinggal berdekatan dengan kelompok iaitu suku yang merupakan istilah kepada kumpulan ini (Wook et al., 2020). Menurut kajian Saludin dan Maulud (2021) pula, setiap suku yang terdapat dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah merujuk kepada nama wilayah atau kawasan yang terdapat di Minangkabau, Indonesia. Ini kerana setiap suku yang terdapat di Negeri Sembilan ini adalah merupakan susur galur perantau dari tanah Minangkabau yang merantau ke Negeri Sembilan. Melalui proses merantau inilah yang terbentuknya luak-luak yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Sementara itu, setiap suku yang terdapat dalam adat ini mempunyai peranan sebagai unit sosial utama yang mempunyai sub-kelompok di bawahnya iaitu perut, ruang dan rumpun (Rajah 2). Perut merupakan kumpulan kecil yang diketuai Buapak; ruang merupakan keluarga kecil yang terdiri daripada sanak-saudara; dan rumpun pula adalah keluarga kecil yang dipimpin oleh bapa.



RAJAH 2. Ilustrasi menunjukkan kelompok komuniti dalam Adat Perpatih

Berbalik kepada konteks suku, sebanyak 12 suku yang dinamakan berdasarkan wilayah asal iaitu Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Sri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Melaka, Anak Acheh dan Tiga Batu (Saludin & Maulud, 2021). Kajian empirikal oleh Saludin et al. (2020) juga menunjukkan bahawa nama setiap suku ini mempunyai hubungan sejarah dan budaya yang kuat antara Minangkabau dan Negeri Sembilan. Melalui suku juga mempunyai peranan penting dalam penentuan terhadap konteks ekonomi masyarakat Adat Perpatih; iaitu perwarisan harta melalui keturunan. Jamil dan Taib (2016) menjelaskan bahawa Adat Perpatih merupakan sistem matrilineal yang bernasabkan suku ibunya iaitu turun daripada wanita generasi lama. Melalui konteks ini juga memberi peluang dan ruang

kepada wanita dari suku yang sama untuk mewarisi harta pusaka yang ditentukan melalui permuafakatan dan musyawarah. Perkara ini adalah sangat berbeza dengan negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia yang mengamalkan sistem patrilineal iaitu pewarisan harta adalah mengikut garis keturunan belah bapa. Sementara itu, melalui kepercayaan adat ini juga melarang perkahwinan sesama suku bagi mengelakkan penyakit keturunan dan sebagainya. Perkara ini juga turut bersangkut-paut dengan isu kekeluargaan berdasarkan tanggapan mereka bahawa ahli-ahli dalam sesuatu suku itu adalah dari keluarga mereka sendiri. Situasi ini menggambarkan bagaimana mereka amat menjaga keperibadian setiap ahli dalam suku agar tidak tercemar dengan perkara-perkara negatif. Pada mereka perwatakan setiap ahlinya adalah mencerminkan suku mereka sendiri. Disebut dalam teromba berkaitan dengan tingkah laku individu dalam sukunya;


*Sesusun bak sirih,  
Serimbun bak serai,  
Seharta semenda,  
Sepandam seperkuburan,  
Sehina semalu,  
Malu seorang, malu semua.*

Sementara itu, dalam sub-kelompok suku iaitu perut, ruang dan rumpun mewakili kepelbagaian tahap dalam hubungan kekeluargaan yang bersangkutan dalam suku. Diperjelaskan sebelum ini bahawa perut diketuai oleh Buapak menunjukkan bagaimana ukhuwah kekeluargaan adalah rapat; walaupun terdapat pelbagai kelompok keluarga. Kebiasaan kelompok ini kebanyakannya banyak melibatkan diri dalam upacara-upacara tertentu seperti perkahwinan, cukur jambul dan sebagainya (Dom, 1977). Dalam masa sama, ruang pula merupakan kelompok yang membentuk kelompok perut dan ini yang menghasilkan kesepaduan dalam kalangan ahli di samping menjaga nama baik suku. Pembentukan ruang pula adalah gabungan dari kelompok rumpun yang melibatkan keluarga kecil iaitu mereka yang tinggal di bawah satu bumbung. Ahli dalam rumpun itu melibatkan datuk, nenek, bapa, ibu dan anak-anak. Erti kata lain terdapat tiga generasi yang membentuk kelompok rumpun. Dalam konteks pembahagian ruang pada rumah tradisional Negeri Sembilan, ahli-ahli lelaki dari kelompok rumpun mempunyai hak untuk masuk ke dalam ruang rumah ibu. Ini kerana rumah ibu adalah ruang khas buat kaum wanita dan pertalian darah atau mahram dalam ahli keluarga lelaki tiada halangan untuk masuk ke ruangan ini. Menurut Mujani et al. (2015), pembahagian ruang pada rumah tradisional Negeri Sembilan adalah berasaskan daripada sistem Adat Perpatih. Sementara itu, konsep ruang pada rumah tradisional ini juga berkaitan dengan ajaran Islam. Maka, tidak hairanlah apa yang termaktub dalam sistem adat ini berpandukan pada ajaran Islam.

Oleh itu, adat Perpatih di Negeri Sembilan menampilkan struktur sosial yang unik berbanding masyarakat lain di Malaysia. Dalam sistem ini, masyarakatnya tersusun dengan sistematik hanya melibatkan pembahagian kelompok dari sebuah keluarga ke sebuah wilayah adat. Setiap kelompok juga mempunyai peranannya dalam organisasi sosial dan ekonomi; walaupun politik dalam adat yang mengawal. Ini kerana setiap situasi penting dalam Adat Perpatih adalah melalui musyawarah dan dibincangkan dalam ruangan khas dalam rumah. Melalui perbincangan itu mempunyai pembahagian ruang yang masih menjaga batas pergaulan antara jantina. Beginilah struktur sosial yang menunjukkan bagaimana Adat Perpatih membentuk identiti dan kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan dari pelbagai aspek dalam kehidupan seharian.

PENGARUH ADAT PERPATIH PADA RUMAH TRADISIONAL  
DI LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN

Rumah tradisional di Negeri Sembilan terkenal dengan rekaan bumbung yang panjang dan melentik. Ini menunjukkan identiti dalam seni bina masyarakat di Negeri Sembilan yang turut mempunyai pengaruh daripada sistem Adat Perpatih. Di sebalik keunikan reka bentuk tersebut mempunyai falsafah dan mesej sebagai rujukan dan panduan dalam pembinaan rumah tradisi ini. Setiap struktur atau elemen yang terdapat pada rumah ini mewakili sosial-politik yang turut memberi impak kepada pecahan ruang rumah yang melibatkan susunan seperti serambi dan rumah ibu (Rajah 3). Terdapat rumah-rumah tertentu yang dihiasi dengan tiang gantung pada kedua-dua ruang tersebut. Pembinaan dan penempatan tiang gantung merupakan simbol dan ikonik kepada kepentingan dalam Adat Perpatih itu sendiri (Ismail et al., 2023, Ismail et al., 2021, Yusop, 2017, Idrus, 1996, & Ibrahim, 1985).



RAJAH 3. Lakaran menunjukkan pembahagian ruang yang melibatkan serambi dan rumah ibu

Ismail et al. (2023) dan Ismail (2021) melalui kajian mereka meneliti pengaruh Adat Perpatih pada setiap struktur rumah tradisional Negeri Sembilan mendapati bahawa tiang gantung merupakan suatu elemen penting yang mewakili status sosial dan kedudukan masyarakat Adat Perpatih. Perkara ini selari dengan ramai sarjana di luar sana yang menyatakan bahawa sesuatu yang unik, mempunyai tiang yang banyak dan saiz rumah besar; secara fizikalnya merujuk kepada status seseorang atau mempunyai makna simbolik di sebaliknya. Kenyataan ini disokong oleh Yusop (2017) yang mengemukakan bukti empirikal tiang gantung pada rumah tradisional Negeri Sembilan adalah sesuatu yang unik dan merujuk kepada simbol kuasa dan kepimpinan dalam Adat Perpatih. Dari sudut sejarah, Idrus (1996) dan Ibrahim (1985) memberikan perspektif bahawa adat dan budaya yang menghasilkan keunikan. Malah, cara berfikir masyarakat Melayu secara amnya

banyak bermain dengan falsafah sehingga mewujudkan interaksi dalam reka bentuk rumah tradisional di Negeri Sembilan. Kenyataan ini boleh merujuk kepada fungsi serambi itu sendiri.

Ruang serambi dikaitkan dengan konsep muafakat dalam kalangan ketua adat dan anak-anak buah mereka. Bahagian ini juga digunakan bagi menyambut tetamu, mengadakan majlis, atau mengucapkan tahniah kepada pasangan pengantin selepas perkahwinan mereka. Sebelum itu, ruang yang luas ini menggambarkan kedudukan dan status seseorang dalam masyarakat Adat Perpatih. Serambi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hujung serambi, tengah serambi, dan pangkal pangkal seperti dinyatakan dalam Rajah 3 (Maamor, 2023, Maamor et al., 2023, Ismail et al., 2023, Ismail et al., 2021, Shahminan, 1999 & Idrus, 1996).

Maamor (2023), Maamor et al. (2023), Ismail et al. (2023) dan Ismail et al. (2021) memberi penegasan terhadap kepentingan ruang serambi adalah lebih kepada aspek menjaga hubungan sosial dan muafakat dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Melalui penyelidikan tersebut juga menunjukkan bahawa pembahagian ruang serambi melambang kedudukan hierarki dan perbezaan dalam fungsi sosial. Sekali lagi, dimensi sejarah dikaitkan dengan wujudnya evolusi serambi dalam konteks sosial dan politik. Gabungan ini telah mewujudkan falsafah yang menyentuh tentang konteks organisasi sosial dan politik seperti dinyatakan oleh Shahminan (1999) dan Idrus (1996). Perkara ini sendiri memperkayakan ilmu dalam pemikiran kita terhadap pecahan fungsi serambi sehingga terbentuknya ruang komuniti dan perlambangan terhadap status. Pecahan serambi ini adalah melibatkan tiga bahagian iaitu pangkal serambi, tengah serambi dan hujung serambi.

Pangkal serambi terletak berhampiran dengan tangga dan pintu masuk rumah yang berfungsi sebagai tempat menghormati Buapak atau Lembaga yang datang semasa sesi perbincangan. Bahagian ini juga dihiasi dengan kain penutup siling yang dikenali sebagai kain tabir lelangit. Di sinilah anak-anak buah datang bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan pengamalan sistem adat mereka atau masalah lain yang berkaitan dengan masyarakat. Maamor et al. (2020) dan Chen et al. (2008) dalam kajian mereka menjelaskan pangkal serambi lebih bersifat ruang perbincangan dan berkaitan dengan adat. Ini kerana terdapat ruangan khas bagi melancarkan proses musyawarah di samping meletakkan penghormatan dalam berkomunikasi sosial yang berkaitan dengan Adat Perpatih.

Sementara itu, bahagian tengah serambi berfungsi sebagai tempat meraikan tetamu rumah. Tetamu akan memasuki rumah dan menunggu pemilik untuk melayani mereka di bahagian yang ditetapkan. Konsep ini menunjukkan sifat menghormati tetamu dengan layanan yang baik (Maamor et al., 2020 & Chen et al., 2008). Sekali lagi, konsep adat diketengahkan dan menggambarkan nilai-nilai budaya kemasyarakatan dalam Adat Perpatih yang amat mementingkan perkara positif dalam kehidupan seharian mereka.


Hujung serambi merupakan bahagian khas untuk Penghulu atau Ulama. Bahagian ini digunakan bagi membincangkan perkara yang berkaitan adat atau kerohanian; serta melaporkan sebarang masalah berkaitan komuniti. Ini menunjukkan penghormatan mereka kepada ketua yang dipilih dengan persetujuan suku dan anak-anak buah. Latif & Kosman (2017) menyatakan pendapat bahawa bahagian ini merupakan suatu penghormatan dan keistimewaan hujung serambi meletakkan mereka yang mempunyai ilmu dan pembimbing kepada anak-anak buah. Erti kata lain ilmu dan tanggungjawab yang ada bukanlah untuk kepentingan diri, sebaliknya untuk semua pihak. Maka, tiada istilah riak dalam hati pemimpin adat tatkala memegang jawatan yang diamanahkan.

Selain itu, rumah ibu pula merupakan ruangan khas untuk wanita (Maamor et al., 2023; & Nor & Shahminan, 2016). Rumah ibu terletak bersebelahan dengan serambi dan kedudukan lantainya sedikit tinggi daripada serambi. Ini mencerminkan penghormatan terhadap wanita dalam rumah (Maamor, 2023, Maamor et al., 2023 & Kassim, 1988). Lelaki yang mempunyai hubungan rapat dengan wanita itu dibenarkan memasuki ruangan ini. Semasa upacara adat bertukar suku yang juga dikenali sebagai berkedim, Ibu Soko yang merupakan wanita tertua atau senior akan duduk berdekatan dengan tiang seri yang merupakan tiang utama yang ditegakkan di bahagian rumah ibu. Ini menunjukkan bahawa Ibu Soko mempunyai status yang tinggi dan perlu dihormati. Sementara itu, keistimewaan ruang ini menunjukkan bagaimana kaum wanita mempunyai keistimewaan dalam status sosial dan kekuasaan wanita dalam masyarakat adat tidak dapat dipertikaikan. Ini kerana mereka mempunyai kuasa dalam menentukan siapakah yang layak dalam kalangan lelaki untuk memegang tampuk kepimpinan.

Dapat dirumuskan bahawa rumah tradisional di Negeri Sembilan menampilkan rekaan bumbung Panjang dan melentik yang mencerminkan identity seni bina yang dipengaruhi dari Adat Perpatih. setiap struktur rumah ini, seperti rumah ibu dan serambi membawa makna terhadap konteks falsafah dan simbolisme yang signifikan. Perkara ini melibatkan juga pembahagian ruang serambi yang mempunyai fungsinya yang tersendiri dan mewujudkan sebuah keharmonian dalam konteks berkeluarga.

## METODOLOGI

Artikel ini merupakan jenis penyelidikan etnografi yang bersifat naratif. Oleh itu, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif (O'Brien et al., 2014 & Tracy, 2010) yang memerlukan penelitian mendalam terhadap simbolisme dan fungsi buah buton dalam konteks rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Pendekatan komprehensif adalah perlu bagi memudahkan penelitian dan analisis dilaksanakan terhadap hubungan antara buah buton dengan Adat Perpatih. Ini kerana penyelidikan ini memerlukan penerokaan dan pemahaman yang mendalam terhadap konteks sosio-budaya masyarakat adat tersebut dengan kesenian tradisi (Wan Rshdan et al., 2023 & Azman et al., 2022). Oleh itu, artikel ini mengetengahkan dua metodologi; kajian lapangan dan temu bual bagi menggapai tujuan artikel ini. Rajah 4 merupakan reka bentuk kajian yang menekankan dua metod tersebut;



RAJAH 4. Carata aliran menunjukkan reka bentuk kajian yang mengetengahkan dua metod (kajian lapangan dan temu bual) melalui penyelidikan kualitatif

#### KERJA LAPANGAN

Kerja lapangan merupakan komponen penting dalam kajian ini iaitu bertujuan untuk mengumpul data empirikal yang mendalam mengenai rekaan rumah tradisional di Negeri Sembilan yang mempunyai buah buton serta pengaruh Adat Perpatih terhadap struktur dan fungsi ruang dalam rumah. Melalui kerja lapangan ini, penyelidikan secara langsung memerhati secara dekat ciri-ciri reka bentuk binaan yang unik di samping, memahami konteks sosial dan budaya yang menjadi asas kepada reka bentuk rumah tradisional ini. Langkah seterusnya melibatkan pemilihan lokasi dan subjek kajian; diikuti dengan prosedur kajian lapangan dan analisis data yang akan dibincangkan secara terperinci.

##### (a) Pemilihan lokasi dan subjek kajian

Berdasarkan buku “Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang” oleh Shahminan (2007) menyenaraikan 30 seni bina yang melibatkan rumah tradisional dan masjid yang terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak tujuh buah rumah mempunyai buah buton. Walau bagaimanapun, hanya tiga buah rumah dari tujuh dimuatkan dalam artikel ini. Perkara ini adalah berdasarkan sebab; rumah-rumah yang dipilih mewakili kategori seperti pembesar istana, pemimpin adat dan golongan bangsawan. Perkara ini kerana untuk memastikan kajian dapat memberikan gambaran jelas dan mendalam tentang peranan serta pengaruh buah buton dalam konteks kepimpinan dan organisasi sosial Adat Perpatih. Sementara itu, dalam senarai tujuh buah rumah tersebut, terdapat penghuninya mempunyai kedudukan atau jawatan yang sama. Malah, pemilihan tersebut membantu dalam penyelidikan untuk menjalankan analisis dengan terperinci. Perkara ini penting

dalam penyelidikan kualitatif yang mana pemahaman dan ketelitian adalah lebih utama berbanding kuantiti data.

Bagi memperkukuhkan dapatan, artikel ini turut menampilkan sebuah lagi rumah berdasarkan artikel “Keunikkan *Tiang gantung* Tak Jejak Bumi” oleh Yusop (2017). Rumah tradisional ini mempunyai binaan yang terpelihara dan jelas sama seperti tiga rumah terpilih seperti dinyatakan Shahminan (2007). Perkara ini adalah berkaitan dengan keseragaman dalam variasi reka bentuk dan kedudukan buah buton. Memilih rumah yang jelas dengan elemen buah buton yang kukuh dan cantik dapat membantu analisis dibuat dengan berpandukan pada teori Koler (2007) yang bertajuk “Three-Dimensional Visual Analysis”. Bagi memudahkan analisis dijalankan, setiap nama rumah akan diklasifikasikan dengan nama penghuninya. Ini kerana melalui nama dapat membantu membezakan dan memberi gambaran jelas terhadap analisis yang dijalankan. Pemilihan nama pula adalah seperti yang dinyatakan dalam rujukan Shahminan (2007) dan Yusop (2007) yang telah meletakkan nama pemilik atau penghuni di bahagian latar belakang rumah. Dengan berpandukan nama yang sama untuk rumah, buah buton juga akan dinamakan berdasarkan nama rumah.

Sementara itu, penyelidikan ini dijalankan sekitar Luak Tanah Mengandung di Negeri Sembilan bagi selarisan dengan tiga buah rumah yang tersenarai dalam buku Shahminan (2007) yang menjadikan luak tersebut sebagai kajian lapangan beliau. Begitu juga dengan sebuah rumah lagi yang diketengahkan oleh Yusop (2007) turut berada di Luak Tanah Mengandung; walaupun kini sudah dipindahkan ke lokasi baru di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia. Jadual 1 menyenaraikan empat buah rumah yang dinyatakan beserta rujukan yang diperolehi;

JADUAL 1. Senarai rumah terpilih berpandukan rujukan

| Rumah                                                                                                               | Lokasi                                                         | Rujukan                                                                                                       |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Rumah Dato' Muar Bongkok</p>  | <p>Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah<br/>(Luak Ulu Muar)</p> | <p>Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang” oleh Shahminan (2007)</p> |
| <p>Rumah Sali</p>                | <p>Kampung Talang Tengah, Kuala Pilah<br/>(Luak Ulu Muar)</p>  | <p>Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang” oleh Shahminan (2007)</p> |

|                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                |                                                                                                                           |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Rumah Anip</p>                 | <p>Kampung Ulu Bendul, Terachi<br/>(Luak Terachi)</p>                                                                                                                          | <p>Rumah Tradisional Luak Tanah<br/>Mengandung: Kajian Inventori<br/>Rumah Bumbung Panjang”<br/>oleh Shahminan (2007)</p> |
| <p>Rumah Dato’ Raja Diwangsa</p>  | <p>Lokasi asal – Kampung Merual,<br/>Seri Menanti<br/>(Luak Gunung Pasir)</p> <p>Lokais baru – Muzium Warisan<br/>Melayu, Universiti Putra<br/>Malaysia, Serdang, Selangor</p> | <p>Keunikkan Tiang gantung Tak<br/>Jejak Bumi oleh Yusop (2017)</p>                                                       |


## (b) Prosedur kajian lapangan

Melawat empat rumah tradisional yang terpilih merupakan sebahagian daripada pemerhatian langsung. Melalui prosedur ini, pemerhatian secara langsung adalah menganalisis struktur, reka bentuk dan kedudukan buah buton yang terdapat pada ruangan rumah-rumah tradisional tersebut. Penelitian turut diberikan pada ciri-ciri visual, fizikal dan konteks pengaplikasian buah buton pada empat rumah tersebut. Sementara itu, setiap subjek yang dinilai akan melalui proses fotografi dan dokumentasi bahan. Tujuan fotografi adalah mengambil gambar-gambar buah buton termasuk ruangan dalaman dan bahagian luar rumah untuk analisis visual; manakala, dokumentasi visual bertujuan untuk merekodkan semua aspek yang terkandung pada visual buah buton.

## (c) Analisis data


Setiap data yang dikumpulkan akan dianalisis dengan menggunakan teori “Three-Dimensional Visual Analysis” oleh Koler (2007). Pemilihan teori ini adalah bersandarkan kepada beberapa dasar. Pertama, teori ini menawarkan pendekatan yang mendalam dan berstruktur bagi menganalisis elemen visual tiga-dimensi. Perkara ini melibatkan perincian yang lebih komprehensif. Kedua, teori ini mempunyai hubung kait yang relevan dengan elemen yang dikaji yang melibatkan hubungan ruang, struktur dan makna sebalik rekaan. Sementara itu, dasar ketiga adalah pendekatan interdisiplin yang menggabungkan visual dengan aspek sosial dan budaya sehingga terlahirnya istilah simbolisme terhadap subjek. Dasar yang terakhir; terdapatnya kajian lepas seperti Maamor (2023) dan Maamor (2020) yang menggunakan teori Koler (2007) yang

memberi penekanan kepada aspek visual subjek yang dikaji. Oleh itu, melalui teori ini, Koler (2007) menyeraikan enam elemen iaitu positif dan negatif, isipadu geometri primer, daya, carta lengkung, susunan dan bentuk simetri-asimetri. Rajah 5 menunjukkan enam elemen berpandukan pada teori Koler (2007) yang digunakan bagi tujuan menganalisis buah buton.



RAJAH 5. Enam elemen dalam teori Koler (2007) yang digunakan bagi menganalisis buah buton yang terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan

Sementara itu, analisis yang dijalankan dengan berpandukan pada teori Koler (2007) terhadap buah buton akan dihubungkan bagi menilai ciri-ciri visual buah buton serta peranan dan status pemiliknya dalam masyarakat Adat Perpatih. Gabungan ini juga akan melihat kepada persamaan dan perbezaan reka bentuk buah buton serta kedudukannya terhadap empat rumah yang dipilih. Akhir sekali, penilaian tersebut akan melihat korelasi dengan kajian literatur berhubung konteks kepimpinan dan pengaruh dalam Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Rajah 6 merupakan aliran proses analisis data terhadap buah buton dengan konteks kepimpinan dalam Adat Perpatih;



RAJAH 6. Carta menunjukkan aliran proses analisis data terhadap buah buton dengan konteks kepimpinan dalam Adat Perpatih

## TEMU BUAL

Temu bual memainkan peranan penting dalam kajian ini untuk mendapatkan perspektif mendalam daripada pelbagai informan mengenai pengaruh Adat Perpatih terhadap buah buton di Luak Tanah mengandung, Negeri Sembilan. Untuk memastikan data yang diperoleh adalah komprehensif dan representatif, langkah-langkah sistematik telah diambil dalam pengkategorian informan, pemilihan informan, dan proses temu bual.

### **(a) Pengkategorian informan**

Temu bual merupakan pendekatan yang digunakan bagi melihat hubungan antara buah buton dengan kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Kaedah ini turut mensasarkan pemimpin Adat Perpatih, penyelidik adat dan seni bina serta ahli masyarakat setempat bagi pengkategorian informan. Setiap kategori adalah berpandukan kepada tiga perkara iaitu pengetahuan mendalam. Seseorang pemimpin seperti dinyatakan dalam kajian literatur menyatakan dengan jelas bahawa mereka perlu mempunyai ilmu berkenaan adat, tradisi serta falsafah yang menjadi simbol masyarakat Adat Perpatih. Sementara itu, pengalaman praktikal mereka dalam kepimpinan adat secara tidak langsung memberikan pengalaman dalam pelbagai sudut seperti penglibatan dalam agama, politik, ekonomi, organisasi sosial dan sebagainya.

Kategori penyelidik adat dan seni bina adalah berdasarkan kepakaran dalam bidang masing-masing; di samping mempunyai keahlian dalam bidang akademik dengan menjalankan kepelbagaian penyelidikan. Ini serba sedikit membawa mereka kepada pendedahan dalam perspektif teoretikal dan analisis terhadap adat, seni bina dan buah buton. Semestinya, ini membawa kepada sebuah sumbangan intelektual yang luas dan terperinci. Berbeza pula dengan kategori masyarakat setempat. Kelompok ini lebih kepada pendedahan di kawasan persekitaran yang mempunyai kearifan apa yang berlaku sekitarnya. Malah, konteks sejarah setempat kebarangkalian menjadi ilmu buat masyarakat tempatan yang lebih terdedah akan apa yang berlaku. Perkara ini bersifat autentik yang mana mereka lebih dekat dengan situasi atau persekitaran dan menjadi tempat rujuk oleh masyarakat luar akan tempat tersebut termasuk buah buton. Sementara itu, menjadi persoalan, mengapa jumlah kategori tidak banyak? Artikel ini mengambil kira kualiti berbanding kuantiti. Pemilihan informan adalah berdasarkan mereka yang benar-benar mempunyai ilmu dan pengetahuan. Perkara ini adalah selaras dengan jumlah kategori yang ada; malah mengelakkan sebarang kekeliruan dan menyukarkan proses penyelidikan. Jumlah kategori ini juga adalah selari dengan objektif penyelidikan bagi memahami simbolisme serta peranan buah buton dari segi perspektif, kepimpinan, akademik dan kehidupan seharian.

### **(b) Pemilihan informan**

Seramai enam orang informan terlibat dalam temu bual ini; manakala, informan dalam kajian ini dipilih dengan teliti berdasarkan jawapan mereka yang kukuh, serta kebolehan mereka menyokong perkaitan antara buah buton dan kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Proses pemilihan ini selari dengan ciri-ciri yang lazimnya terdapat dalam kajian etnografi yang berkonsepkan naratif. Hanya enam informan dipilih berdasarkan kriteria tersebut. Perkara ini disokong oleh penyelidikan lepas yang dijalankan oleh Garnaut and Gold (2021), Vogt dan Blaabichler (2021), Bertram et al. (2017), dan Young et al. (2017). Sementara itu, setiap informan yang dipilih adalah berdasarkan kepakaran dan pengetahuan mereka dalam pengkategorian masing-masing. Malah, informan yang tersenarai kerap dinyatakan dalam akhbar-akhbar,

jemputan oleh stesen-stesen televisyen, undangan sebagai penceramah berkaitan adat, penglibatan besar dalam anjuran Muzium Negeri Sembilan secara khususnya dan banyak lagi. Setiap perkara tersebut menunjukkan bahawa mereka mempunyai kepakaran akademik dan praktikal. Walau bagaimanapun, melalui artikel ini, setiap identiti informan tidak didedahkan demi menjaga privasi dan perkara ini sebahagian daripada etika penyelidikan. Tetapi, setiap informan ini akan diklasifikasikan nama mereka dengan mengambil awalan huruf pada nama mereka. Ini kelihatan lebih sistematik dan teratur. Jadual 2 merupakan senarai informan beserta kategori yang terlibat dalam temu bual ini;

JADUAL 2. Senarai informan beserta kategori

| No. | Informan | Kategori                      |
|-----|----------|-------------------------------|
| 1.  | SK       | Pemimpin adat                 |
| 2.  | AKU      | Pemimpin adat                 |
| 3.  | RS       | Pemimpin adat                 |
| 4.  | MPAL     | Penyelidik adat dan seni bina |
| 5.  | MRS      | Penyelidik adat               |
| 6.  | ASD      | Masyarakat setempat           |

Berdasarkan Jadual 2, jumlah informan adalah berbeza untuk setiap kategori. Untuk makluman, dalam konteks adat Perpatih, pemimpin adat adalah individu yang mempunyai peranan penting. Mereka juga mempunyai perspektif yang berbeza dan pemerhatian yang mendalam. Menemu bual tiga informan untuk kategori ini membolehkan kajian ini menangkap kepelbagaian pandangan yang mungkin wujud dalam kepimpinan Adat Perpatih. Sementara itu, kategori ini mempunyai kepentingan dalam struktur sosial terhadap masyarakat Adat Perpatih. Setiap informan yang tersenarai untuk kategori ini adalah atas cadangan dan nasihat dari ramai pihak untuk ditemu bual; memandangkan mereka mempunyai fahaman yang *genuine*. Begitu juga dengan kategori penyelidik adat dan seni bina. Jumlah dua informan dianggap mencukupi dalam memberi pandangan dan perspektif akademik yang kukuh dan menyeluruh. Sementara itu, seorang informan dalam kategori masyarakat tempatan; individu ini dipilih berdasarkan keupayaannya dalam memberikan maklumat yang kukuh dan relevan. Ini menunjukkan keseimbangan maklumat dari semua informan dan mencukupi untuk melengkapkan data analisis.

### (c) Proses temu bual

Temu bual ini melibatkan tiga proses iaitu persiapan, pelaksanaan dan analisis data. Persiapan adalah melibatkan penyediaan soalan. Memandangkan kajian ini menganalisis hubungan kait buah buton dengan konteks kepimpinan dalam simbolisme di Luak Tanah Mengandung, soalan adalah bersifat empirikal iaitu berpandukan pada kajian literatur dan kajian lapangan. Sebanyak tiga soalan dikemukakan selari dengan objektif artikel ini. Berikut merupakan soalan yang diajukan untuk seisi temu bual ini;

- Apakah makna simbolik buah buton dalam konteks rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung?
- Bagaimanakah buah buton mencerminkan nilai dan struktur kepimpinan dalam Adat Perpatih?
- Bagaimana buah buton boleh mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat Adat Perpatih?

Sementara itu, pelaksanaan temu bual adalah melibatkan separa berstruktur iaitu mengadakan temu bual di lokasi yang bersesuaian seperti di kediaman mereka ataupun di kajian lapangan. Di samping itu, soalan-soalan yang diajukan adalah terbuka dan tidak terhad kepada penstrukturan soalan yang disediakan. Melalui kaedah ini juga, rakaman dibuat bagi tujuan transkripsi selepas mendapat izin dari informan untuk tujuan analisis selanjutnya.


## DAPATAN DAN PERBINCANGAN




Bahagian ini membentangkan dapatan berkaitan buah buton yang terdapat pada rumah-rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan sebagai fokus utama. Bagi memperlihatkan korelasinya dengan konteks organisasi sosial dalam sistem Adat Perpatih, temu bual dijalankan keatas informan-informan yang dipilih. Perbincangan ini bertujuan untuk mengaitkan penemuan dengan objektif kajian serta menilai implikasinya terhadap pemahaman berkaitan pengaruh Adat Perpatih dan ukiran kayu tiga-dimensi buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.


### DAPATAN

Kajian ini mendedahkan beberapa tema utama yang berkaitan dengan simbolisme dalam kehidupan bermasyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Ini dibuktikan dengan kehadiran buah buton yang tergantung pada ruang dalam atau luar rumah yang merupakan bahagian yang signifikan dengan Adat Perpatih. Malah, reka bentuk buah buton juga berbeza dan menampilkan visual seakan-akan buah yang tergantung. Setiap kenyataan ini berpandukan pada analisis diri yang dibuat keatas buah buton yang berpandukan teori Koler (2007) dengan menetengahkan aspek positif dan negatif, isipadu geometri primer, daya, carta lengkung, susunan dan bentuk simetri-asimetri. Sementara itu, analisis dibuat berpandukan lakaran beserta label untuk setiap aspek tersebut. Jadual 3 merupakan dapatan kajian serta analisis yang dibuat keatas buah buton yang melibatkan reka bentuk dan kedudukan subjek tersebut;

JADUAL 3. Dapatan kajian serta analisis terhadap reka bentuk buah buton dan kedudukan subjek tersebut

| Rumah dan Maklumat                                                                                                                                                                                                                                                         | Buah Buton dan Lakaran                                                                                                          | Kedudukan dan Pelan Buah Buton                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>Rumah Dato' Muar Bongkok</b></p> <p><b>Pemilik:</b><br/>Isteri Dato' Muar Bongkok (tidak diketahui nama)</p> <p><b>Penghuni lain:</b><br/>Dato' Muar Bongkok Abdul Malik</p> <p><b>Pengaruh penghuni dalam Adat Perpatih:</b><br/>Penghulu ketujuh luak Ulu Muar</p> | <p>Jumlah buah buton: Dua</p>  <p>Muar 1</p> | <p>Kedudukan buah buton: Hujung serambi (bahagian luar)</p>  <p>Pelan darai pandangan atas menunjukkan kedudukan buah buton yang tergantung di bahagian luar hujung serambi</p> |

|                                                                                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                                                                                                                |  <p><b>Muar 1</b></p> <p>Lakaran Muar 1</p>  <p><b>Muar 2</b></p>  <p><b>Muar 2</b></p> <p>Lakaran Muar 2</p> |  <p>Kelihatan dua buah buton yang tergantung dari permukaan tanah dan di bahagian tengahnya terdapat sebatang tiang.</p>  <p>Bahagian dalam hujung serambi terdapat pentas atau dipanggil balai dengan ketinggian 8 inci. Menurut waris, balai sebagai tempat duduk Penghulu memandangkan penghuni rumah ini pernah didiami Penghulu luak Ulu Muar.</p> |
| <p><b>Rumah Sali</b></p> <p><b>Pemilik:</b><br/>Hajah Sali binti Salleh</p> <p><b>Penghuni lain:</b><br/>Suami Sali (tidak diketahui nama)</p> <p><b>Pengaruh penghuni dalam Adat Perpatih:</b><br/>Suami Sali merupakan Lembaga bagi suku Seri Melenggang</p> | <p>Jumlah buah buton: Satu</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <p>Kedudukan buah buton: Pangkal serambi (bahagian luar)</p>  <p>Kedudukan Sali yang tergantung di pangkal serambi di bahagian luar rumah.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                            |


|                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                     |  <p>Sali</p>  <p>Pandangan hadapan Sali yang mempunyai ukiran seperti kelopak pada buah.</p>  <p>Lakaran Sali</p> | <p>Kelihatan juga kedudukan Sali tergantung bersebelahan dengan dinding rumah ibu</p>  <p>Kelihatan Sali yang tergantung dari permukaan tanah dan berdekatan dengan struktur tiang yang lain. Jika dilihat dari pandangan hadapan rumah, kehadiran Sali tidak akan kelihatan. Memandangkan saiznya yang kecil dan terlindung dengan struktur rumah yang lain.</p> |
| <p><b>Rumah Anip</b></p> <p><b>Pemilik:</b><br/>Anib binti Najib (atau nama lain adalah Najid)</p> <p><b>Penghuni lain:</b><br/>Tidak diketahui</p> | <p>Jumlah buah buton: Dua</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <p>Kedudukan buah buton: Ruang serambi (berhampiran dengan atap rumah)</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |

### **Pengaruh penghuni dalam Adat Perpatih:**

Waris kepada Penghulu luak  
Terachi dan orang kaya dalam  
luak tersebut




Anip 1



## Lakaran Anip 1



## Anip 2






Pelan menunjukkan Anip tergantung dalam ruangan serambi dan tergantung selari dengan dinding antara serambi dan rumah ibu.


Kedudukan kedua-dua Anip juga tergantung di kiri dan kanan pintu masuk ke rumah ibu.



Kelihatan Anip 1 yang tergantung di bahagian atas iaitu berdekatan dengan atap rumah.

Seandainya masuk ke dalam rumah, kehadiran subjek tersebut tidak akan disadari memandangkan kedudukannya tinggi keatas.


|                                                                                                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                                                                       |  <p><b>Anip 1</b></p> <p>Lakaran Anip 2</p>                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <p><b>Rumah Dato' Raja Diwangsa</b></p> <p>Pemilik:<br/>Wok binti Talib</p> <p>Penghuni lain: Muhammad Yunus bin Jabar</p> <p>Pengaruh penghuni dalam Adat Perpatih:<br/>Dato' Raja Diwangsa (Empat Orang Istana)</p> | <p>Jumlah buah buton: Enam</p>  <p>Diwangsa 1</p>  <p><b>Diwangsa 1</b></p> <p>Lakaran Diwangsa 1</p>  <p>Diwangsa 2</p> | <p>Kedudukan buah buton: Serambi dan rumah ibu (bahagian dalam)</p>  <p>Pelan menunjukkan kedudukan setiap Diwangsa tergantung pada dua ruang iaitu serambi dan rumah ibu</p>  <p>Kelihatan Diwangsa 2 dan Diwangsa 3 yang tergantung dari permukaan lantai ruang serambi .</p> <p>Ukuran untuk setiap Diwangsa adalah sama iaitu 10 kaki jarak antara satu sama lain.</p> |



Lakaran Diwangsa 2



Diwangsa 3




Lakaran Diwangsa 3



Diwangsa 4




Buah buton diukir pada bahagian bawah sebatang tiang gantung dan gambar menunjukkan tiang yang diukir buah buton menjadi penghubung dengan struktur binaan yang lain. Kelihatan tiang gantung menjadi penghubung kepada rasuk pendek yang kemudiannya berhubung dengan kasau jantan iaitu membentuk struktur atap rumah.




Lakaran Diwangsa 4




Diwangsa 5



Lakaran Diwangsa 5



Diwangsa 6



Bagi meneruskan perbincangan hasil daripada dapatan kajian, penulisan diteruskan dengan transkripsi data hasil dari temu bual bersama setiap informan yang terlibat seperti dinyatakan pada Jadual 4;

JADUAL 4. Senarai informan bersama-sama respon

| Informan | Respon                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| SK       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemimpin adat merupakan golongan yang disegani dalam masyarakat;</li> <li>Pemilihan mereka adalah berdasarkan konsensus dalam kalangan anak-anak buah.</li> <li>Kepentingan buah buton sebagai lambang kebulatan atau kesepakatan suara dalam memilih pemimpin.</li> <li>Ini menunjukkan bahawa buah buton merupakan kriteria bagi peranan pemimpin dalam Adat Perpatih.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                              |
| AKU      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemimpin adat dan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih tidak boleh dipisahkan.</li> <li>Ini kerana pemimpin adat akan bertindak sebagai orang tengah dalam menyelesaikan perkara-perkara seperti pembahagian harta, perkahwinan, pekerjaan dan sebagainya.</li> <li>Selain itu, rumah pemimpin adat berbeza dengan masyarakat biasa yang lain.</li> <li>Fungsi rumah pemimpin adat berkait rapat dengan sistem Adat Perpatih.</li> <li>Di Minangkabau, buah buton disebut sebagai buah bodi.</li> </ul>                                                                                                                     |
| RS       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Reka bentuk adalah berdasarkan Limbago Adat: ilmu, akal, alur dan patut.</li> <li>Konteks akal memerlukan seseorang pemimpin itu bijak dan munasabah dalam semua aspek.</li> <li>Ini kerana anak-anak buah akan merujuk kepada mereka dan memberikan kata putus tentang perkara yang dibincangkan.</li> <li>Buah buton berkait rapat dengan pemimpin Adat Perpatih.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                   |
| MPLA     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Buah buton melambangkan penghuninya, termasuk pemimpin adat, bangsawan dan pembesar istana.</li> <li>Pemimpin adat dan masyarakat tidak boleh berpisah.</li> <li>Buah buton menyatukan pemimpin adat dengan masyarakat sekeliling.</li> <li>Buah buton mewakili ketua yang mana ianya berfungsi sebagai peringatan kepada pemimpin.</li> <li>Hanya rumah yang didiami oleh ketua adat sahaja yang mempunyai buah buton.</li> <li>Manakala buah buton pula direka berdasarkan falsafah tungku tiga sejerangan; iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan alam.</li> </ul> |
| MRS      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap perhubungan menyentuh watak dan tingkah laku seseorang pemimpin terhadap anak-anak buah.</li> <li>Dalam pada itu, struktur lain dalam rumah tradisional Negeri Sembilan dengan adat ini saling berkait.</li> <li>Sebagai contoh, tiang rumah bukan sahaja didirikan untuk menyokong struktur tetapi juga berfungsi sebagai representasi status kepimpinan sebenar.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                             |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| ASD | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak dinafikan, buah buton adalah komponen penting dalam rumah yang menjadi peringatan kepada pemimpin Adat Perpatih.</li> <li>• Buah buton merupakan lambang pemimpin Adat Perpatih.</li> <li>• Setiap kediaman tradisional ini menampilkan reka bentuk buah buton yang unik.</li> <li>• Reka bentuk buah buton adalah berdasarkan konsep Islam, yang menekankan tiga aspek: usul, tauhid, dan fiqh.</li> <li>• Ini kerana buah buton mempunyai makna yang signifikan dan simbolik yang berkaitan dengan identiti pemimpin Adat Perpatih.</li> <li>• Ibarat jantung pisang yang berbalut dengan kelopak yang menyembunyikan isinya pisang dan akan terdedah suatu hari nanti.</li> </ul> |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## PERBINCANGAN

Reka bentuk buah buton menyerupai buah dan ini dikukuhkan dengan rekaan Sali yang mempunyai ukiran kelopak daun yang menyerupai visual buah. Begitu juga rekaan Anip 1, Anip 2, dan Diwangsa 1 juga menyerupai jantung pisang dengan kelopak di sekelilingnya, menambah unsur rahsia pada buah buton. Reka bentuk ini diselarikan dengan sistem Adat Perpatih dan mempunyai maknawi serta simbolik yang mewakili aspek kehidupan masyarakat adat seperti dinyatakan informan ABD dan RS. Contoh lain yang dapat merujuk kepada konteks alam adalah rumah Dato' Muar Bongkok yang dihiasi dengan reka bentuk buah buton menyerupai nanas hutan. Ini merupakan simbolik kepada sejarah dan leluhur ibu kepada Penghulu Naam (Penghulu Luak Ulu Muar pertama) yang dikaitkan dengan kehidupan asal mereka di dalam hutan. Ini menunjukkan ilham di sebalik reka bentuk buah buton tidak terhad kepada satu idea sahaja, tetapi dipengaruhi oleh konteks sosial masyarakat dan berfungsi untuk menonjolkan identiti mereka.

Kajian juga mendapati bahawa pemilikan buah buton hanya terhad kepada individu tertentu yang mempunyai pengaruh dalam Adat Perpatih, golongan bangsawan, mahupun golongan istana. Perkara ini berdasarkan kajian lapangan yang menunjukkan buah buton hanya terdapat di rumah tertentu dan digantung di kawasan penting yang mencerminkan status pemilik. Contohnya, di rumah Dato' Muar Bongkok, subjek tersebut digantung di hujung serambi iaitu ruang dan bahagian yang dikhaskan untuk Penghulu atau Ulama. Pemilik asal rumah ini adalah seorang yang memegang jawatan Penghulu Luak Ulu Muar berdasarkan maklumat yang terkandung pada rumah Dato' Muar Bongkok. Keistimewaan tersebut bukan sekadar ditujukan kepada pemimpin atau penghuninya semata-mata. Sebaliknya, mempunyai permaknaan terhadap tanggungjawab dan keadilan. Ini menunjukkan bahawa tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin ditentukan oleh prinsip keadilan dan kejujuran, serta amanah yang diberikan kepadanya. Perkara ini dilihat pada susun atur struktur tiang tengah yang terdapat antara buah buton pada rumah Dato' Muar Bongkok. Dari segi seni bina, tiang tengah memberikan keseimbangan dan sokongan kepada struktur, tetapi secara falsafah, ianya melambangkan keperluan pemimpin untuk bersikap adil dan saksama dalam membuat keputusan.

Tanggungjawab seorang pemimpin adat adalah memimpin dan mentadbir sistem adat tradisi. Ini berdasarkan kedudukan buah buton pada bahagian tertentu rumah tradisional Negeri Sembilan yang sangat berkait dengan adat melalui struktur yang sistematik. Malah, ini juga menunjukkan kedudukan seseorang pemimpin adat yang mempunyai status dan gelar sebagai ketua yang dihormati oleh anak-anak buah dalam luak mereka (Rajah 7). Ini kerana seandainya terdapat permasalahan yang timbul dalam masyarakat, pemimpin adat mesti menggunakan kuasanya secara sama rata bagi menangani perkara itu secara adil (Maamor, 2023; Maamor et al., 2023, Saludin & Maulud, 2021; & Saludin et al., 2020; & Maxwell & Gibson, 1924). Kenyataan ini merujuk kepada struktur pengimbangan (simetri dan asimetri) yang diinspirasi berdasarkan kedudukan dan rekaan buah buton dalam keadaan yang seimbang. Ini juga selari dan bersamaan

dengan bahagian dan kedudukan yang melambangkan pemimpin itu berdasarkan kelayakan dan posisi mereka dalam komuniti tersebut.



RAJAH 7. Pentas atau balai dengan ketinggian lima inci yang berada di bahagian hujung serambi di rumah Dato' Muar Bongkok sebagai merujuk kepada kedudukan Penghulu luak bagi menghormati jawatan tersebut oleh anak-anak buahnya

Selain itu, kedudukan khusus pemimpin adat dalam rumah tradisional Negeri Sembilan menjadi tempat rujukan buat anak-anak buahnya atau masyarakat setempat dan ini merupakan simbolik kepada status yang disandang oleh pemimpin itu. Berbalik kepada rumah Dato' Muar Bongkok. Buah buton di hujung serambi rumah ini menunjukkan bahawa penghuni rumah atau pemilik asal (Penghulu Na'am) merupakan individu yang mempunyai kedudukan dan pengaruh dalam Adat Perpatih (Rajah 8). Taraf dan jawatan yang dipegang oleh seseorang pemimpin itu bukan sekadar menyandang dan memakai gelar yang diberikan. Malah, kedudukan mereka adalah atas pengaruh anak-anak buah sehingga pemimpin tersebut menyandang jawatan tersebut. Oleh itu, kehadiran buah buton pada rumah Dato' Muar Bongkok bukan sekadar simbolik tetapi menjadi peringatan kepada pemimpin. Berikutan itu, kehadiran buah buton serta falsafah yang membentuk kredibiliti dan kedudukan seorang pemimpin diwujudkan dalam ruangan rumah ini sebagai gambaran keadilan ketika membuat sesuatu keputusan. Sebagai contoh kata putus adalah ditentukan oleh pemimpin itu sendiri selepas mendapat kesepakatan bersama dari anak-anak buah. Ini menandakan kehadiran pemimpin itu bukan suatu kehadiran yang biasa. Oleh itu, seorang pemimpin mestilah adil dan saksama tanpa meletakkan kepentingannya melebihi kepentingan orang lain. Ini adalah kebijaksanaan seorang pemimpin yang menunjukkan pandangan positif terhadap masyarakat dan menjadi contoh bagi mereka yang memerhati. Begitu juga dengan rumah Sali. Kedudukan buah buton yang agak tersorok dan sukar dikesan menggambarkan falsafah seorang pemimpin yang tidak berbelah bahagi dan merendah diri. Kedudukan buah buton di bahagian bawah pangkal serambi adalah sinonim dengan status Lembaga. Bahagian ini juga merupakan forum untuk anak-anak buah berbincang dan mencapai kata sepakat dalam hal-hal berkaitan adat atau sebaliknya. Dapat dilihat bahawa status dan watak pemimpin adat merupakan dua ciri utama yang menjadi tontonan anak-anak buahnya. Sebagai contoh, jika pemimpin

menunjukkan tingkah laku negative; status dan kedudukan mereka juga negatif. Oleh itu, kedudukan buah buton pada rumah Sali mempunyai kepentingannya dalam menggambarkan perwatakan penghuninya.



RAJAH 8. Bulatan merah menunjukkan kedudukan dua buah buton (Muar) di hujung serambi yang tergantung dari permukaan tanah menunjukkan bahawa penghuni rumah atau pemilik asal (Penghulu Na'am) adalah individu yang berpengaruh dan memegang jawatan Penghulu luak dalam Adat Perpatih

Begitu juga dengan rumah Dato' Raja Diwangsa yang mana penghuninya merupakan salah seorang daripada Empat Orang Istana. Jawatan Empat Orang Istana diwarisi dari keturunan yang sama. Oleh itu, keturunan mestilah daripada suku yang sama. Ini menunjukkan bahawa kedudukan itu diturunkan dari generasi ke generasi (Rajah 9). Ia ditunjukkan melalui buah buton yang tergantung dalam rumah yang menggambarkan perkembangan pisang yang bermula dari jantung pisang hingga ke setandan pisang. Makna falsafah ini menjelaskan penggantian jawatan dari generasi lama kepada generasi baru. Konsep ini juga menggambarkan persamaan kehidupan dan toleransi dalam harta pusaka yang mesti diturunkan kepada mereka yang berhak memikunya. Tidak perlu tamak dan mementingkan diri hanya semata-mata mempunyai kedudukan. Selain itu, kedudukan yang simetri menunjukkan buah buton disusun dengan teratur. Walaupun terdapat variasi reka bentuk, kedudukan buah buton pada rumah ini adalah seimbang. Ini juga digambarkan dalam pewarisan yang saksama dan konsep ini sama seperti buah buton yang terdapat pada rumah Anip. Malah, status pemilik memainkan peranan dalam Adat Perpatih sebagai waris dengan Penghulu di luak Terachi. Pada masa yang sama, kedudukan sebagai orang kaya meletakkan pemilik sebagai orang yang dihormati dalam masyarakat.



RAJAH 9. Bulatan merah menunjukkan kedudukan buah buton di ruang serambi rumah Dato' Raja Diwangsa yang menggambarkan status dan kedudukan itu diturunkan dari generasi ke generasi

Walaupun reka bentuk dan kedudukan buah buton berbeza untuk setiap rumah, ianya masih membawa kepentingan berkaitan peringatan yang sama. Sebagai contoh, bahagian bawah setiap reka bentuk buah buton adalah rata dan tidak tajam. Bahagian tersebut direka atau dibentuk dengan rekaan lebar yang berbeza-beza yang membawa pengertian tentang prinsip hubungan manusia dengan Tuhan yang menjelaskan bahawa pemimpin dan masyarakat saling bergantung antara satu sama lain (Rajah 10). Jelas dinyatakan bahawa kedudukan pemimpin tidak terhad kepada melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Sebaliknya, menghormati amanah yang Allah berikan merupakan tanggungjawab yang besar. Walaupun gelaran dan kedudukan kepimpinan mereka paling tinggi dalam masyarakat, tetapi ada yang lebih tinggi darjat iaitu kedudukanNya dan tiada tandingan iaitu Tuhan Yang Maha Kuasa. Oleh itu, pemimpin mesti berpegang kepada ajaran-Nya dengan berpandukan al-Quran iaitu rujukan utama bagi sistem Adat Perpatih. Konsep ketaatan ini sesuai digandingkan dengan peribahasa berdasarkan konteks alam: bagai resmi padi, makin berisi makin tunduk. Erti kata lain, status atau kedudukan bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan. Sebaliknya, seseorang itu harus merendah diri dan tidak sombong. Ini kerana ianya berkaitan dengan maruah diri dan maruah seseorang pemimpin.



RAJAH 10. Pandangan belakang rumah Sali menunjukkan kedudukan buah buton (bulatan merah) yang tergantung dari permukaan tanah dengan permukaan bawah buah buton yang rata dengan berpegang kepada prinsip panduan hubungan manusia dengan Tuhan, yang menunjukkan bahawa pemimpin dan masyarakat bergantung antara satu sama lain dengan izin-Nya

Rekaan dan kedudukan buah buton itu sendiri melambangkan pemimpin adat dengan membawa erti kepada maruah dan kestabilan dalam kekuasaan bersandarkan kepada kewajipan sebagai hambaNya. Oleh itu, adalah wajar bagi seorang pemimpin itu bertindak professional dan adil dalam setiap perbuatannya yang melibatkan anak-anak buahnya. Begitu juga dengan konteks

peralihan jawatan dan tugas kepada yang berhak iaitu berkaitan dengan perwarisan status dari generasi ke generasi yang lain. Selain itu, keperibadian dan kualiti setiap ahli mencerminkan suku dan mesti dihormati pada setiap masa. Hubungan antara organisasi sosial ini dapat dilihat dengan jelas melalui kedudukan seseorang (pemimpin) pada rumah (pangkal, tengah, dan hujung serambi), serta hierarki dan jarak buah buton antara satu sama lain di setiap posisi.

## KESIMPULAN

Buah buton merupakan seni visual tradisional yang menjadi asas ikatan antara pemimpin Adat Perpatih dan masyarakat. Kekuatan ini dikaitkan dengan pemahaman yang mendalam tentang amalan adat dan konteks alam, menghasilkan struktur kepimpinan yang tersusun dan sistematik. Kehadiran buah buton melengkapi atau menjadi peringatan kepada pemiliknya tentang hubungan antara manusia dengan manusia, Tuhan, dan alam. Setiap perhubungan tersebut menyentuh aspek kehidupan masyarakat Adat Perpatih yang membentuk watak dan tingkah laku seseorang, khususnya pemimpin adat dan bangsawan. Persamaan antara buah buton dan kelompok pemimpin ini secara konsisten membentuk kekuatan dan kemantapan sesebuah organisasi sosial Adat Perpatih. Buah buton berperanan sebagai peringatan kepada pemiliknya untuk menunaikan amanah dan kewajipan yang diberikan. Ini memberi impak besar kepada penyatuan antara golongan pemimpin dan masyarakat, bukan sekadar dalam konteks tenaga kerja tetapi dalam mencapai kesepakatan dan kestabilan sosial. Buah buton melambangkan keperluan bersama antara pemimpin dan masyarakat, di mana masyarakat memerlukan pemimpin dan pemimpin memerlukan masyarakat. Makna mendalam di sebalik falsafah buah buton menggunakan alam sebagai medium penyampaian mesej ini menguatkan hubungan antara aspek kepimpinan dan budaya. Impak kepada masyarakat dan negara adalah signifikan. Simbolisme buah buton memperkukuhkan nilai-nilai positif dalam kepimpinan dan memperteguh jati diri masyarakat. Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar penyelidikan diluaskan kepada komponen kehidupan komunal untuk diterjemahkan ke dalam bentuk estetik seperti bangunan atau ukiran. Kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan seni bina yang mengetengahkan aspek estetika, falsafah, dan budaya yang merujuk kepada perlambangan watak positif. Usaha ini bukan sahaja memperkasakan konteks seni tetapi juga membentuk jati diri masyarakat yang positif dan baik, khususnya mereka yang memegang jawatan kepimpinan dalam organisasi sosial. Dengan ini, penyelidikan yang berterusan dalam bidang ini adalah penting untuk memelihara dan mengembangkan warisan budaya Adat Perpatih, memastikan ia relevan dan berdaya tahan dalam konteks dunia moden. Penerapan prinsip-prinsip yang didapati dalam kajian ini boleh membantu membentuk masyarakat yang lebih harmoni, beretika dan berintegriti; serta memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan sosial dan kebangsaan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Inovasi PhD (GIP); geran penyelidikan daripada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia, di bawah geran nombor UMG008K-2022. Beberapa data kajian ini diperolehi daripada kajian terdahulu dan semasa yang melibatkan adat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. I., Sarom, A. C. M., Ahmad, A. S. & Idris, S. (Eds.). (1962). *Asal Usul Adat Perpatih*. Malay Press.
- Aslamazishvili, D., Ignatova, V., & Smimaya, A. (2020). Symbolic Leadership in the Organizational Culture in the Context of Transformation. [Paper presentation]. *6<sup>th</sup> International Conference on Social, economic, and academic leadership (ICSEAL)*, Epub ahead of print January 2020. DOI:10.2991/assehr.k.200526.002.
- Azman, N. S., Mazlan, I. M., Sujak, I., Mat So'od, N. F., & Wallen, L. (2022). Traditional Malay House in Negeri Sembilan: Cultural Influence in Design and Construction. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7i21.3775>
- Azwar, W., Yuns, Y., Muliono & Permatasari, Y. (2018). Nagari Minangkabau: The Study of Indigenous Institutions in West Sumatra, Indonesia. *Jurnal Bina Praja*, 10 (2), 231-239. <https://doi.org/10.21787/jbp.10.2018.231-239>
- Berelson, B. & Steiner, G., A. (1964). *Human Behavior: An Inventory of Scientific Findings*. Harcourt, Brace & World.
- Bertram, C., Wagner, W. & Trautwein, U. (2017). Learning Historical Thinking with Oral History Interviews: A Cluster Randomized Controlled Intervention Study of Oral History Interviews in History Lessons. *American Educational Research Journal*, 54 (3), 444 – 484. DOI: 103102/0002831217694833.
- Chen, Y., Ariffin, S. I. & Wang, M. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 7 (2), 247–254. <https://doi.org/10.3130/jaabe.7.247>
- Dahlström, C. & Lapuente, V. (2022). Comparative Bureaucratic Politics. *Annual Review of Political Science*, 25, 43 – 63. <https://doi.org/10.1146/annurev-polisci-051120-102543>
- Dom, M. M. (1977). *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Federal Publication.
- Draper, J. (2021). Justice and Internal Displacement. *Political Studies*, 71 (2), 314 – 331. Doi: 10.1177/00323217211007641
- Garnaut, C. & Gold, J. R. (2021). Interrogating Voices from The Past: Making Use of Oral Testimony in Planning Historical Research. *Planning Perspective*, 36 (6), 1297 – 1304. DOI: 10.1080/02665433.2021.1994180
- Guo, P. & Kou, G. (2022). The Power of Leadership Artistry. [Paper presentation]. *9<sup>th</sup> International Conference on Information Technology and Quantitative Management, China* (pp. 598 – 604). *Procedia Computer Science*. 10.1016/j.procs.2022.11.217
- Hershey, M. R. (2017). Forum Book Symposium Political Spectacles and the Power of Resentment. *Political Communication*, 34, 134 – 137. <https://doi.org/10.1080/10584609.2016.1262695>
- Herwandi, H., Maamor, F. R., Musa Kahn, S., Zahid, I. & Taif, B. (2024). Karakter Kepimpinan: Hubungan Kait Konteks Alam dengan Kehidupan Sosial Berdasarkan Permaknaan Kayu Tiga Dimensi. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 32 (S2), 105-127. <https://doi.org/10.47836/pissh.32.S2.06>
- Ibrahim, N. (1985). *Perkembangan dan Perubahan Adat Negeri Sembilan*. In Wan Abdul Kadir & Zainal Abidin Borhan, (n.d.), *Fenomena* 2, Kuala Lumpur: Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu.

- Ibrahim, N. (1988). *Sistem Masyarakat Adat Perpatih*. In Mujani, Sulaiman & Rozali, (2015), *Sistem Federalisme dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. [https://www.researchgate.net/publication/329338031\\_SISTEM\\_FEDERALIME\\_DALAM\\_ADAT\\_PERPATIH](https://www.researchgate.net/publication/329338031_SISTEM_FEDERALIME_DALAM_ADAT_PERPATIH)
- Ibrahim, N. (1988). Some Observation on Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan. *Southeast Asian Studies*, 26 (2), 150 – 165.
- Ibrahim, N. (1993). *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ibrahim, N. (1996). *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Fajar Bakti.
- Idris, A. S., Daud, A. M., Tainu, M. & Ibrahim, N. (Eds.). (1994). *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*. Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Idris, A. S. (1961). *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan dan Kebudayaan*. Utusan Printcorp.
- Idrus, Y. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Fajar Bakti.
- Ismail, N. H., Manaf, A. A. & Zamri, S. (2023). Investigating the Visual Privacy of House Layouts in Negeri Sembilan Traditional Malay Houses. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 10 (2), 65 – 80. Doi: 10.24191/myse.v10i2.23619.
- Ismail, N. H., Surat, M. & Yunus, S. K. (2021). Evolution of Architectural Heritage through Typology of Traditional Houses in Negeri Sembilan. *International Transaction Journal of Engineering*, 12 (12), 1 – 9. <http://TuEngr.com><http://TUENGR.COM/V12/12A12U.pdf>
- Jamil, M. T. & Taib, J. M. (2016). *Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
- Juhary, J. (2011). Abstraction and Concreteness in Customary Practices in Malaysia: A Preliminary Understanding. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1 (17), 281 – 285.
- Karia, N. & Asaari, M. H. A. H. (2019). Leadership Attributes and Their Impact on Work-Related Attitudes. *International Journal of Productivity and Performance Management*, 68 (5): 903-919. <https://doi.org/10.1108/IJPPM-02-2018-0058>
- Kassim, A. (1988). Women, Land and Gender Relations in Negeri Sembilan: Some Preliminary Findings. *Southeast Asian Studies*, 26 (2), 122 – 149.
- Koler, C. A. (2007). *Three-Dimensional Visual Analysis*. [http://www.cherylaknerkoler.com/publications\\_1\\_files/Three\\_dimensional\\_visual\\_analysis\\_Cheryl%20Akn%20Koler%20%20.pdf](http://www.cherylaknerkoler.com/publications_1_files/Three_dimensional_visual_analysis_Cheryl%20Akn%20Koler%20%20.pdf)
- Latif, S. F. T. A. & Kosman, K. A. (2017). The *Serambi* of Negeri Sembilan Traditional Malay House as a Multifunctional Space-Role in Custom (ADAT). *Journal of Design and Built Environment*, 17(2), 37-50. <https://doi.org/10.22452/jdbe.vol17no2.4>
- Maamor, F. R. (2023). *Buah Buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: Hubungan Kait Kosmologi dengan Kehidupan Masyarakat Adat Perpatih* [PhD thesis]. Universiti Malaya
- Maamor, F. R., Kahn, S. M., Zahid, I. & Taif, B. (2023). The Three-Dimensional Wood Carving of Buah Buton: Influence of Leaders as Symbols of Socio-community Formation. *Cogent Social Sciences*, 9 (2), 1 – 20. <https://doi.org/10.1080/23311886.2023.2267740>

- Maamor, F. R. (2020). *Buah buton at Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: The Interrelation of Cultural Context with Adat Perpatih's Community*. [Master dissertation]. Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Manaf, A. A., Hussain, M. Y., Saad, S., Lyndon, N., Selvadurai, S., Ramli, Z. & Sum, S. M. (2013). The Minangkabau's Customary Land: The Role of "Orang Semenda" in Malaysia and Indonesia. *Asian Social Science*: 9 (8): 2013. DOI:10.5539/ass.v9n8p58
- Maxwell W. G. & Gibson W. S. (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London: Truscott and Sons Ltd.
- Mujani, W. K., Sulaiman, W. H. W. & Rozali, E. A. (2015). *Sistem Federalisme dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. [https://www.researchgate.net/publication/329338031\\_SISTEM\\_FEDERALIME\\_DALAM\\_ADAT\\_PERPATIH](https://www.researchgate.net/publication/329338031_SISTEM_FEDERALIME_DALAM_ADAT_PERPATIH)
- Mustafa, M., Tengku Mohd Ali, T. I. M., Junaidi, R. & Abdul Majid, M. (2020). Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dar Perspektif Kepimpinan. *Akademika*, 90 (3), 117-128. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9003-10>
- Nasir, A. H. (1986). *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia / Abdul Halim Nasir*. Edited by Mohd. Zulkifli Abdul Aziz. Loyal Press.
- Nelson, S. D. R. M. (2002) Sejarah Perkembangan Politik Negeri Sembilan Dalam Abad Ke-18 Dan 19. [Master dissertation]. Universiti Malaya, Malaysia.
- Nor, O. M. & Shahminan, R. N. R. (2016). The Influence of Perpatih Custom on the Design of Traditional Malay Houses in Negeri Sembilan, Malaysia. *Research on Humanities and Social Sciences*: 6 (2), 2016.
- O'Brien, B. C., Harris, I. B., Beckman, T. J., Reed, D. A., & Cook, D. A. (2014). Standards For Reporting Qualitative Research: A Synthesis of Recommendations. *Academic Medicine*. <https://doi.org/10.1097/ACM.0000000000000388>
- Olanrewaju, O. & Okorie, V. N. (2019). Exploring the Qualities of a Good Leader Using Principal Component Analysis. *Journal of Engineering, Project, and Production Management*, 9 (2), 142 – 150. DOI:10.2478/jeppm-2019-0016
- Sahid, M. M., Chaedar, M. Hasan, B. M. & Amar, F. (2021). Leadership System of Adat Perpatih in Malaysia as a Model Consensus and Democracy Concept: An Analytical Study. *Psychology and Education*: 58 (3), 1199 – 1206.
- Salleh, R. M. (2017, Mei 25). *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. <http://www.jmm.gov.my/ms/content/bicara-kuratoresejarah-pengamalan-adat-perpatih-dinegerisembilan-0>.
- Saludin, M. R. & Maulud, M. H. (2021). The Origin of the Tribes in Negeri Sembilan Based on Location in West Sumatera, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5 (1), 137 – 147.
- Saludin, M. R., Ismail, N. S. A., Bahaman, B. & Jaafar, M. (2021). Supervision of the Values and Identities of the Youth in the Political Image of the Petiti Proverbs of Negeri Sembilan. *International Journal of Management*, 12 (1), 367 – 373. DOI: 10.34218/IJM.12.1.2021.031
- Saludin, M. R., Ismail, N. S. A. & Razali, N. R. (2020). Management of the Adat Perpatih Matriarchy in Negeri Sembilan. *International Journal of Management (IJM)*, 11 (12), 1527 – 1536. DOI 10.34218/IJM.11.12.2020.138
- Saludin, M. R. (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Karisma Publication Sdn. Bhd..
- Selat, N. (2014). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. PTS Akademia.

- Shahbal, S., Khan, A. & Al-Kubaisi, H. (2022). Leadership Styles, Role and Opportunities; Reflection in Educational Management System. *Journal of Pharmaceutical Negative Results*, 13 (9), 1452 – 1460. DOI:10.47750/pnr.2022.13S09.176
- Shahminan, R. N. R. (2007). *Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang*. Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Sheen, G. C. H., Tung, H. H. & Wu, W. C. (2022). Power Sharing and Media Freedom in Dictatorships. *Political Communication*, 39 (2), 202 – 221. <https://doi.org/10.1080/10584609.2021.1988009>
- Shukri, S. M., Wahab, M. H. & Amat, R. C. (2020). Reveling Malay Royal Town Identity: Seri Menanti, Negeri Sembilan. *Conference Series Earth and Environmental Science*. DOI: 10.1088/1755-1315/409/1/012034.
- Sojak, S. M. & Utaberta, N. (2013). *Typical Study of Traditional Mosque Ornamentation in Malaysia-Comparison Between Traditional and Modern Mosque*. In. *Understanding our Architecture and Share Built Heritage* 2013, ISBN 978-967-960-344-6.
- Sulej, K. P. & I, Q. (2023). Leadership Styles and Sustainable Performance: A Systematic Literature Review. *Journal of Cleaner Production*, 382, 1 – 14. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2022.134600>
- Tracy, S. J. (2010). Qualitative Quality: Eight “Big-Tent” Criteria for Excellent Qualitative Research. *Qualitative Inquiry*, 16(10), 837-851. <https://doi.org/10.1177/1077800410383121>
- Utaberta, N., Sojak, S. D. M., Surat, M., Ani, A. I. C. & Tahir, M. M. (2012). Typological Study of Traditional Mosque Ornamentation in Malaysia – Prospect of Traditional Ornament in Urban Mosque. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of*, 6 (7), 457 – 464.
- Vogt, M. & Blaabichler, A. A. (2021). Historical Research in Education: Understanding Contemporary Situations and Conditions Through Analysis of The Relevant History. An Interview with The Lucien Criblez. *Espacio, Tiempo y Educación*, 8 (2), 251- 257. Doi: <http://dx.doi.org/10.14516/ete.433>
- Wan Rushdan, W. N. A. M., Muda, M. Z., & Mohd Kusrin, Z. (2023). The Difference between The Inheritance of Common Heritage and Customary Heritage in The Practice of Adat Perpatih. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i3/16398>
- Wan Sulaiman, W. S., Juliawati, M. & Abdullah, N. A. (2021). Peranan Komitmen Organisasi sebagai Pengantara dalam Hubungan di antara Kepimpinan Transformasi dan Tingkah Laku Kewargaan Organisasi. *Akademika*, 91 (2), 33–47. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9102-03>
- Wook, I., Yusof, A. F. M., Khan, I. N. G., Mohd, K., Hassan, F. M. & Mohad, A. H. (2020). Orang Asli Customary Land and *Adat Perpatih*: A Case Study on Temuan Land in Negeri Sembilan. *Jurnal Undang-undang*, 47 (2), 23 – 41.
- Young, J. C., Rose, D. C., Mumby, H. S. et al. (2017). A Methodological Guide to Using and Reporting on Interviews in Conservation Science Research. *Methods Ecol Evol*, 9 (1), 10 – 19. <https://doi.org/10.1111/2041-210X.12828>
- Yusop, S. H. (2017, Februari 29). Keunikkan Tiang gantung Tak Jejak Bumi. *Berita Harian*. Retrieved April 3, 2018 from <https://www.bharian.com.my/node/241148>

Fakhrur Razi Maamor (Penulis koresponden)  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: [fakhrurrazi991@um.edu.my](mailto:fakhrurrazi991@um.edu.my)

Sabzali Musa Kahn  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: [sabzali@um.edu.my](mailto:sabzali@um.edu.my)

Indirawati Zahid  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur, Malaysia  
Emel: [indirawati@um.edu.my](mailto:indirawati@um.edu.my)

Basitah Taif  
Kolej Pengajian Seni Kreatif,  
Universiti Teknologi MARA,  
Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Emel: [basitah@uitm.edu.my](mailto:basitah@uitm.edu.my)